



SOALAN-SOALAN LAZIM
SYARAT-SYARAT KEMASUKAN DAN KELUAR NEGARA BAGI PENGANGKUTAN UDARA
SEMASA FASA AWAL ENDEMIK
BRUNEI DARUSSALAM

SEKSYEN		
SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS		MUKA SURAT
1	Vaksinasi COVID-19	2
2	Sejarah Perjalanan	3
3	Ujian COVID-19 sebelum berlepas	3
4	Borang Deklarasi Ketibaan E-Health	3
5	Aplikasi BruHealth	3
6	Transit	4
SYARAT-SYARAT SELEPAS KETIBAAN		MUKA SURAT
7	Ujian COVID-19 setelah ketibaan	5-6
8	Pengasingan Diri Mandatori	6-7
SYARAT-SYARAT KELUAR NEGARA		MUKA SURAT
9	Vaksinasi	8
10	Ujian COVID-19	8-9
11	Pendaftaran e-Register	9
LAIN-LAIN		MUKA SURAT
12	Insuran Perubatan Perjalanan Yang Meliputi Perlindungan COVID-19	10-13
13	Dokumen	13
14	Visa	14-15
15	Tujuan Perjalanan	15
16	Pengangkutan	15
17	Semasa berada di Negara Brunei Darussalam	16

TALIAN HOTLINE	
120	Talian Laman Portal Perjalanan
148	Talian Nasihat Kesihatan
991	Talian Ambulan

SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS

1	VAKSINASI COVID-19
1.1	<p>Apakah kriteria untuk dianggap lengkap divaksinasi?</p> <p>Individu telah lengkap divaksinasi jika individu memenuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Telah mendapatkan vaksin COVID-19 yang dibenarkan di bawah 'WHO Emergency EU Listing'; dan • Individu telah melengkapkan regimen vaksinasi penuh (1 dos bagi jenama Johnson & Johnson vaksin, 2 dos bagi vaksin-vaksin jenama lain).
1.2	<p>Saya telah lengkap divaksinasi, adakah anak-anak saya yang belum divaksinasi akan dapat membuat perjalanan bersama saya?</p> <p>Ya, individu di bawah 18 tahun yang belum divaksinasi akan dianggap telah melengkapkan vaksinasi jika mereka membuat perjalanan bersama-sama sekumpulan orang dewasa yang telah mendapatkan vaksin yang lengkap. Individu-individu berkenaan akan mengikut protokol "Vaccinated Traveller Protocols."</p>
1.3	<p>Adakah individu-individu yang tidak boleh divaksinasi atas sebab perubatan dibenarkan untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (tanpa mengira status vaksinasi) dibenarkan untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Warganegara asing yang belum lengkap divaksinasi tidak dibenarkan untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, kemasukan ke Negara Brunei Darussalam boleh dipertimbangkan jika mereka mempunyai sijil pengecualian selaras dengan kontraindikasi vaksinasi COVID-19 Negara Brunei Darussalam.</p>
1.4	<p>Apakah yang perlu individu tunjukkan sebagai bukti vaksinasi semasa membuat pendaftaran masuk atau ketibaan di lapangan terbang?</p> <p>Individu hendaklah menunjukkan sijil bukti vaksinasi yang dikeluarkan oleh autoriti kesihatan yang diiktiraf (sebolehnya rekod vaksinasi digital) atau Sijil Antarabangsa Vaksinasi WHO (Buku kuning).</p> <p>Individu yang telah mendapatkan vaksinasi di Negara Brunei Darussalam dikehendaki untuk menunjukkan bukti vaksinasi melalui aplikasi BruHealth.</p>
1.5	<p>Saya telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19. Bilakah saya dapat membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Individu yang telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam dan mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan sepertimana lazimnya.</p> <p>Bagi individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 dan mempunyai bukti jangkitan yang mana tarikh diuji COVID-19 positif tidak lebih dari 90 hari sebelum tarikh berlepas adalah dikecualikan dari diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR sebelum berlepas dan menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam.</p>
1.6	<p>Saya telah divaksinasi dengan vaksinasi COVID-19 yang tidak disenaraikan dalam 'WHO Emergency EU Listing'. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Pada ketika ini, hanya individu yang telah lengkap divaksinasi dengan vaksinasi COVID-19 yang tersenarai dalam 'WHO Emergency Use Listing' dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, awda bolehlah membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam melalui protokol "unvaccinated traveler protocol".</p>

2 SEJARAH PERJALANAN	
2.1	<p>Adakah saya perlu berada di negara berlepas untuk sebarang jangka masa sebelum membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam pada 6 Mei 2022 dan seterusnya, individu tidak diperlukan untuk berada di negara berlepas bagi sebarang jangka masa sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam.</p>
3 UJIAN COVID-19 SEBELUM BERLEPAS	
3.1	<p>Adakah individu-individu dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Ya. Kesemua individu yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas ATAU ujian ART bersijil dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas di pusat-pusat kesihatan yang diktiraf oleh Kerajaan negara berlepas dan mendapatkan keputusan negatif.</p>
3.2	<p>Saya baru sahaja pulih daripada COVID-19. Adakah saya diperlukan untuk mendapatkan keputusan negatif bagi ujian COVID-19 yang dijalankan sebelum berlepas?</p> <p>Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("COVID-19 Recovered Travellers") dan mempunyai bukti jangkitan, yang mana tarikh diuji COVID-19 positif tidak lebih dari 90 hari sebelum tarikh berlepas adalah dikecualikan dari diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR sebelum berlepas. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebelum berlepas yang lain.</p>
4 BORANG DEKLARASI KETIBAAN E-HEALTH	
4.1	<p>Bagaimanakah cara menghadapkan Borang Deklarasi Ketibaan E-Health?</p> <p>Awda boleh melengkapkan dan menghadapkan Borang Deklarasi Ketibaan tidak melebihi 24 jam sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam melalui: www.pmo.gov.bn/travelportal atau www.healthinfo.gov.bn/travel</p>
5 APLIKASI BRUHEALTH	
5.1	<p>Bagaimana cara untuk memuat turun aplikasi BruHealth?</p> <p>Aplikasi BruHealth bolehlah dimuat turun di App Store (bagi Android) dan Goggle Play (bagi iOS). Sila layari laman sesawang: http://www.moh.gov.bn/SitePages/bruhealth.aspx bagi maklumat lanjut mengenai aplikasi BruHealth.</p>
5.2	<p>Adakah nombor telefon yang bukan berdaftar di Brunei Darussalam dapat diterima bagi membuat pendaftaran di aplikasi BruHealth?</p> <p>Ya, nombor telefon yang bukan berdaftar di Negara Brunei Darussalam dapat diterima untuk membuat pendaftaran di aplikasi BruHealth.</p>
5.3	<p>Bolehkah saya menukar kad SIM saya kepada kad SIM tempatan apabila saya sampai di Negara Brunei Darussalam ?</p> <p>Ya, awda boleh menukar kad SIM awda kepada kad SIM tempatan selepas awda sampai di Negara Brunei Darussalam.</p>
5.4	<p>Adakah kad SIM tempatan boleh didapati di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?</p> <p>Ya, awda boleh membeli kad SIM tempatan di kedai-kedai telekom di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.</p>
5.5	<p>Adakah setiap individu dikehendaki untuk menggunakan aplikasi BruHealth?</p> <p>Ya, kesemua individu dimestikan untuk memuat turun dan mendaftar di aplikasi BruHealth jika berhasrat untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam.</p>

6	TRANSIT
6.1	<p>Adakah saya dibolehkan untuk membuat perjalanan “transit/transfer” melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) menuju ke negara destinasi terakhir?</p> <p>Penumpang-penumpang yang hendak membuat perjalanan “<i>transit/transfer</i>” melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke negara destinasi adalah dibenarkan. Penumpang-penumpang “<i>transit/transfer</i>” berkenaan adalah dikehendaki untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i). Lengkap divaksinasi; (ii). Mendapatkan keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dilaksanakan dalam tempoh 2 hari sebelum berlepas ATAU keputusan negatif bagi ujian ART yang dilaksanakan dalam tempoh 1 hari sebelum berlepas; dan (iii). Mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara destinasi.
6.2	<p>Adakah penumpang-penumpang “transit/transfer” dibenarkan untuk meninggalkan Lapangan Terbang semasa persinggahan (“lay over”) di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebelum meneruskan perjalanan ke negara destinasi?</p> <p>Tidak, penumpang-penumpang “<i>transit/transfer</i>” tidak dibenarkan untuk meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semasa persinggahan (“<i>lay over</i>”) sebelum meneruskan perjalanan ke negara destinasi.</p>

SYARAT-SYARAT SELEPAS KETIBAAN

7	UJIAN COVID-19 SETELAH KETIBAAN																
7.1	<p data-bbox="236 286 1134 315">Dimanakah saya dapat menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan?</p> <p data-bbox="620 322 1038 351" style="text-align: center;">Tarikh berkuatkuasa: 6 Mei 2022</p> <ul data-bbox="240 376 1426 1003" style="list-style-type: none"> <li data-bbox="240 376 1426 568"> <p><u>Bagi individu-individu yang lengkap divaksinasi:</u> Individu akan diberikan ART kit semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Individu akan menjalani ujian ART semasa ketibaan (Hari ketibaan adalah Hari Ke-1) dan juga dikehendaki untuk menjalani ujian tambahan ART pada Hari ke-2 dan Hari ke-3 setelah sampai di negara ini dan seterusnya memuat naik keputusan ke dalam aplikasi BruHealth.</p> <li data-bbox="240 593 1426 752"> <p><u>Bagi individu-individu yang belum lengkap divaksinasi:</u> Individu akan diberikan ART kit semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Individu akan menjalani ujian ART semasa ketibaan (Hari ketibaan adalah Hari Ke-1) dan juga dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR pada Hari Ke-3 di pusat kesihatan atau klinik kesihatan swasta yang memberikan perkhidmatan ujian swab RT-PCR.</p> <li data-bbox="240 777 1426 1003"> <p><u>Bagi individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("COVID-19 Recovered Travellers"):</u> Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("COVID-19 Recovered Travellers") dan mempunyai bukti jangkitan yang mana tarikh diuji COVID-19 positif tidak lebih dari 90 hari sebelum tarikh berlepas hanya dikehendaki untuk menjalani ART setelah tiba di Negara Brunei Darussalam. Individu akan diberikan ART kit semasa tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.</p> 																
7.2	<p data-bbox="236 1030 1398 1093">Bagaimanakah cara membuat pembayaran bagi ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan dan berapakah kos pembayaran?</p> <p data-bbox="236 1133 1426 1196">Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam pada 6 Mei 2022 dan seterusnya, kos pembayaran bagi ujian COVID-19 yang dijalankan setelah ketibaan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="240 1223 1422 1655"> <thead> <tr> <th data-bbox="240 1223 316 1373">BIL.</th> <th data-bbox="316 1223 715 1373">INDIVIDU</th> <th data-bbox="715 1223 1161 1373">UJIAN COVID-19 YANG DIJALANKAN SETELAH KETIBAAN (Hari Ke-1 adalah Hari Ketibaan)</th> <th data-bbox="1161 1223 1422 1373">KOS PEMBAYARAN*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="240 1373 316 1462">1</td> <td data-bbox="316 1373 715 1462">Individu yang lengkap divaksinasi</td> <td data-bbox="715 1373 1161 1462">Ujian ART pada Hari ke-1, Hari ke-2 & Hari ke-3</td> <td data-bbox="1161 1373 1422 1462">BND\$40.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="240 1462 316 1570">2</td> <td data-bbox="316 1462 715 1570">Individu yang belum lengkap divaksinasi</td> <td data-bbox="715 1462 1161 1570">Ujian ART pada Hari ke-1 & ujian RT-PCR pada Hari ke-3</td> <td data-bbox="1161 1462 1422 1570">BND\$100.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="240 1570 316 1655">3</td> <td data-bbox="316 1570 715 1655">Individu-Individu yang telah pulih dari COVID-19</td> <td data-bbox="715 1570 1161 1655">Ujian ART pada Hari ke-1 sahaja</td> <td data-bbox="1161 1570 1422 1655">BND\$20.00</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="284 1671 1378 1733">*Pembayaran bolehlah dibuat secara dalam talian dalam Borang Deklarasi Ketibaan E-Health melalui www.pmo.gov.bn/travelportal atau www.healthinfo.gov.bn/travel</p>	BIL.	INDIVIDU	UJIAN COVID-19 YANG DIJALANKAN SETELAH KETIBAAN (Hari Ke-1 adalah Hari Ketibaan)	KOS PEMBAYARAN*	1	Individu yang lengkap divaksinasi	Ujian ART pada Hari ke-1, Hari ke-2 & Hari ke-3	BND\$40.00	2	Individu yang belum lengkap divaksinasi	Ujian ART pada Hari ke-1 & ujian RT-PCR pada Hari ke-3	BND\$100.00	3	Individu-Individu yang telah pulih dari COVID-19	Ujian ART pada Hari ke-1 sahaja	BND\$20.00
BIL.	INDIVIDU	UJIAN COVID-19 YANG DIJALANKAN SETELAH KETIBAAN (Hari Ke-1 adalah Hari Ketibaan)	KOS PEMBAYARAN*														
1	Individu yang lengkap divaksinasi	Ujian ART pada Hari ke-1, Hari ke-2 & Hari ke-3	BND\$40.00														
2	Individu yang belum lengkap divaksinasi	Ujian ART pada Hari ke-1 & ujian RT-PCR pada Hari ke-3	BND\$100.00														
3	Individu-Individu yang telah pulih dari COVID-19	Ujian ART pada Hari ke-1 sahaja	BND\$20.00														
7.3	<p data-bbox="236 1771 1390 1800">Apakah yang berlaku jika individu enggan menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan?</p> <p data-bbox="236 1812 1426 1908">Ujian COVID-19 setelah ketibaan adalah salah satu syarat untuk memasuki Negara Brunei Darussalam. Individu tidak akan dibenarkan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam jika mereka enggan menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan.</p>																
7.4	<p data-bbox="236 1917 1426 1989">Adakah ART kit akan diberikan kepada individu-individu setelah ketibaan atau adakah mereka perlu membeli ART kit sebelum tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?</p> <p data-bbox="236 2007 1267 2036">ART kit akan diberikan setelah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.</p>																

7.5	Adakah kanak-kanak dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan?
	Ya, kesemua individu yang tiba di Negara Brunei Darussalam (termasuk kanak-kanak) dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan.
7.6	Bagaimanakah individu menerima keputusan bagi ujian RT-PCR yang dijalankan setelah ketibaan?
	Bagi individu-individu yang dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR setelah ketibaan, keputusan bagi ujian RT-PCR akan diterima melalui SMS. Keputusan ujian RT-PCR juga boleh didapati melalui aplikasi BruHealth.
7.7	Apa yang harus dilakukan jika individu tidak menerima keputusan ujian RT-PCR yang dijalankan setelah ketibaan melalui SMS?
	Bagi individu-individu yang dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR setelah ketibaan*, individu akan menerima keputusan bagi ujian RT-PCR yang dijalankan setelah ketibaan melalui SMS. Mereka juga boleh menyemak keputusan ujian RT-PCR melalui aplikasi BruHealth. Jika awda mengalami sebarang isu lanjut, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 untuk mendapatkan bantuan.
7.8	Apa yang harus dilakukan jika mereka disahkan positif COVID-19?
	Jika individu disahkan positif COVID-19, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri dengan mematuhi protokol kesihatan yang sedia ada.
7.9	Adakah individu perlu meneruskan tempoh pengasingan diri selepas menerima keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dijalankan setelah ketibaan?
	Tidak. Bagi individu-individu yang dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR setelah ketibaan, mereka tidak perlu meneruskan tempoh pengasingan diri setelah menerima keputusan negatif bagi ujian RT-PCR. Setelah individu dimaklumkan bahawa mereka telah diuji negatif bagi COVID-19, mereka bolehlah meneruskan aktiviti mereka di Negara Brunei Darussalam.
7.10	Adakah individu yang telah lengkap divaksinasi perlu menjalani pengasingan diri jika mereka diuji negatif pada ujian ART yang dijalankan setelah ketibaan?
	Tidak. Berkuatkuasa pada 6 Mei 2022, individu yang lengkap divaksinasi tidak perlu menjalani pengasingan diri jika mereka diuji negatif pada ujian ART setelah ketibaan.
7.11	Saya adalah warga perkhidmatan awam yang kembali ke Negara Brunei Darussalam setelah membuat perjalanan keluar negara atas tujuan rasmi yang dibiayai pihak kerajaan. Adakah saya dikehendaki untuk membuat pembayaran bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan?
	Warga perkhidmatan awam yang kembali ke Negara Brunei Darussalam setelah membuat perjalanan keluar negeri atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan dikecualikan dari diperlukan untuk membayar ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan. Individu hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak kerajaan.

8	PENGASINGAN DIRI MANDATORI
8.1	Dimanakah saya perlu menjalani pengasingan mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam?
	Individu-individu yang dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam hendaklah menjalani pengasingan diri di tempat penginapan yang bersesuaian iaitu sama ada di rumah kediaman atau hotel penginapan. Tempat penginapan berkenaan hendaklah diisytiharkan melalui Borang Deklarasi Ketibaan E-Health, yang mana perlu dilengkapkan tidak lebih dari 24 jam sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam.

8.2	Saya adalah individu yang telah pulih dari COVID-19. Adakah saya diperlukan untuk menjalani pengasingan diri mandatori selepas tiba di Negara Brunei Darussalam?
	Individu-individu yang telah pulih dari COVID-19 ("COVID-19 Recovered Travellers") dan mempunyai bukti jangkitan yang mana tarikh diuji COVID-19 positif tidak lebih dari 90 hari sebelum tarikh berlepas dikecualikan dari diperlukan untuk menjalani pengasingan diri mandatori.
8.3	Adakah saya perlu mengisytiharkan tempat penginapan di mana saya akan tinggal untuk menjalani pengasingan mandatori?
	Ya, individu yang dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam hendaklah mengisytiharkan alamat tempat penginapan (rumah kediaman atau hotel penginapan) melalui Borang Deklarasi Ketibaan E-Health.
8.4	Saya telah membuat tempahan bagi hotel penginapan untuk menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam. Bolehkah saya membatalkan tempahan tersebut dan menjalani pengasingan diri mandatori di tempat kediaman?
	<p>Ya, semua individu yang tiba di Negara Brunei Darussalam adalah dibenarkan untuk menjalani pengasingan diri mandatori samaada di hotel penginapan atau rumah kediaman.</p> <p>Sila hubungi pihak hotel / pengurusan hotel bagi membuat sebarang pembatalan atau perubahan kepada tempahan hotel penginapan awda.</p>

SYARAT-SYARAT KELUAR NEGARA

9 VAKSINASI	
9.1	<p>Saya belum lagi divaksinasi. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara jika telah mendapatkan:</p> <ul style="list-style-type: none">(i) 2 dos vaksinasi COVID-19 yang mana dos ke-2 diberikan tidak lebih dari 3 bulan yang lalu, ATAU(ii) Dos penggalak bagi vaksin COVID-19. <p><i>*Berkuatkuasa pada 15 Mei 2022, syarat vaksinasi ini dilaratkan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam berumur 12 ke 17 tahun.</i></p> <p>Individu adalah dinasihatkan untuk melengkapkan vaksinasi COVID-19 atau mendapatkan Dos penggalak sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam. Bagi maklumat lanjut, sila rujuk "Garis panduan bagi perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam melalui udara semasa fasa awal endemik".</p>
9.2	<p>Saya telah lengkap divaksinasi. Walau bagaimanapun, saya belum mendapatkan dos penggalak bagi vaksin COVID-19. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Jika individu telah mendapatkan dos ke-2 bagi vaksinasi COVID-19 dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh perjalanan, individu adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara.</p> <p>Jika dos ke-2 diberikan lebih daripada 3 bulan sebelum tarikh berlepas, individu dikehendaki untuk mendapatkan dos penggalak sebelum membuat perjalanan keluar negara.</p> <p>Bagi maklumat lanjut, sila rujuk "Garis panduan bagi perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam melalui udara semasa fasa awal endemik".</p>
9.3	<p>Saya tidak boleh divaksinasi atas sebab perubatan. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Individu-individu yang belum lengkap divaksinasi boleh membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam jika mempunyai sijil pengecualian perubatan bagi COVID-19 Vaksinasi.</p> <p>Pengecualian tersebut di atas boleh didapatkan daripada pusat-pusat kesihatan tertakluk kepada apajua alahan kesihatan yang ada, serta sebab-sebab lain yang dapat diberikan pengecualian daripada mendapatkan vaksinasi seperti telah disahkan dijangkiti COVID-19 dalam tempoh enam (6) minggu lalu.</p>

10 UJIAN COVID-19	
10.1	<p>Dimanakah individu boleh menjalani ujian COVID-19 sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam, individu bolehlah menjalani ujian RT-PCR (jika dikehendaki oleh negara destinasi) di pusat-pusat kesihatan atau klinik swasta seperti berikut:</p>

	<p>Klinik Noor Rohaya (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> No 1, Simpang 293, Jalan Pasir Berakas +673 2390282 / +673 8240282 <p>Jerudong Park Medical Center (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> Jerudong Park Medical Center, Jerudong Park, BG3122 +673 2611433 <p>Panaga Health Center (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> Jalan Utara, Panaga, Seria KB2933 +673 8876454 <p>Klinik Dr Amir (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> No 204, Ground Floor, Bangunan Mohammad Yussof, KM2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1712, Bandar Seri Begawan +673 2336801 / +673 2222500 / +673 3337850 	<p>UNI Clinic (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> No 5, Simpang 490, Jalan Muara, Kg Sg Hanching, BC2115 +673 2335403 / +673 7325403 <p>Lee Clinic and Dispensaries (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> C-1, Abdul Razak Complex, Gadong Centrepoint +673 2428428 / +673 8128128 <p>Yong Clinic & Dispensary (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> No 27, Ground Flr Muhibbah Complex II, Jalan Gadong, BE3919 +673 2424301 <p>Kare Medical Clinic (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> Ground Floor, Block D, Unit 1, Kiarong Complex, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah, Kiarong BE1318 +673 2455021 / +673 7305973 (WhatsApp) <p>C.Y.Lim Clinic (Perjanjian Sahaja)</p> <ul style="list-style-type: none"> Block J, No. 16 Ground Floor, Abdul Razak Complex Gadong, BE3519 +673 2449488 / +673 8913468
	<p>Bagi ujian ART, individu bolehlah menjalani ART (jika dikehendaki oleh negara destinasi) di pusat-pusat ART yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam. Senarai pusat-pusat ART bolehlah didapati melalui pautan berikut:</p> <p>https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/Pusat-pusat%20pesijilan%20ART%201%20December%202021.pdf</p>	

11	PENDAFTARAN E-REGISTER
11.1	<p>Adakah saya perlu melengkapkan pendaftaran e-Register sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Bagi memudahkan untuk mendapatkan bantuan dalam keadaan kecemasan dan krisis, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk melengkapkan pendaftaran secara dalam talian melalui sistem e-Register (http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx) di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam:</p>

LAIN-LAIN

12	INSURAN PERUBATAN PERJALANAN YANG MELIPUTI PERLINDUNGAN COVID-19
12.1	<p>Adakah individu perlu menunjukkan bukti bahawa mereka telah membeli Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19) sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Ya, individu hendaklah mempunyai sijil insuran sebagai bukti sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Sijil insuran disediakan samaada dalam format digital atau salinan cetak ("<i>hard copy</i>") yang mana tertakluk kepada syarikat insuran atau takaful masing-masing.</p>
12.2	<p>Bolehkah individu membeli Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19) daripada negara destinasi?</p> <p>Ya, individu-individu hendaklah membeli Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19) daripada syarikat yang berdaftar di luar negara. Walau bagaimanapun, individu digalakkan untuk membeli insuran tersebut daripada syarikat insuran atau syarikat takaful yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Individu adalah dinasihatkan untuk menyemak kesemua syarat-syarat kemasukan negara destinasi untuk memastikan semua syarat-syarat dipatuhi.</p>
12.3	<p>Di manakah saya boleh membeli Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19) di Brunei Darussalam?</p> <p>Awda bolehlah membeli Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19) dari mana-mana syarikat insuran atau takaful yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Senarai syarikat insuran atau takaful yang menawarkan produk Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan bagi "<i>inbound travellers</i>" dan "<i>outbound travellers</i>" bolehlah didapati di laman portal JPM (http://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx).</p> <p>Awda bolehlah juga merujuk kepada sebarang pengumuman daripada Brunei Insurance Takaful Association yang memberikan maklumat terkini kepada orang awam di: Laman Sesawang: www.bit.org.bn Instagram: www.instagram.com/contactus.bit/</p>
12.4	<p>Adakah saya dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan lawatan pendek yang mana tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam kurang daripada 90 hari adalah dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000) sama ada daripada syarikat insuran yang berdaftar di Brunei Darussalam atau luar negara sebelum membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam. Insuran tersebut hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, individu-individu berikut adalah dikecualikan dari diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19:</p> <ol style="list-style-type: none"> Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam; dan Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.

12.5	<p>Bolehkah saya membeli Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 daripada syarikat insuran pilihan saya?</p> <p>Ya, awda bolehlah membeli Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 daripada syarikat insuran atau syarikat takaful pilihan awda. Insuran berkenaan hendaklah mempunyai perlindungan minimum BND\$50,000.</p>
12.6	<p>Adakah saya dimestikan untuk membeli produk Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Tidak. Awda bolehlah mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan sama ada daripada syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam atau di luar negara.</p> <p>Jika awda membeli insuran daripada negara destinasi, awda dinasihatkan untuk menyemak kesemua syarat-syarat kemasukan negara destinasi bagi memastikan semua keperluan dipatuhi.</p> <p>Awda bolehlah merujuk kepada sebarang pengumuman daripada Brunei Insurance Takaful Association yang memberikan maklumat terkini kepada orang awam di: Laman Sesawang: www.bit.a.org.bn Instagram: www.instagram.com/contactus.bit.a/</p>
12.7	<p>Adakah Insuran Kumpulan bagi syarikat-syarikat diterima bagi kemasukan ke Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Ya, jika Insuran Kumpulan berkenaan meliputi perbelanjaan bagi perjalanan dan perubatan bagi COVID-19 dengan perlindungan minimum BND\$50,000. Ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat perlindungan yang dinyatakan dalam dasar insuran atau takaful.</p>
12.8	<p>Saya adalah pekerja asing dan mempunyai pas pekerja. Adakah saya diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 untuk memasuki Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Tidak. Warganegara asing yang akan berada di Negara Brunei Darussalam bagi tujuan lawatan panjang (atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan) adalah dikecualikan daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Hanya warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan lawatan pendek yang mana tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam kurang daripada 90 hari dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000) sama ada daripada syarikat insuran yang berdaftar di Brunei Darussalam atau luar negara sebelum membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam. Insuran tersebut hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.</p>
12.9	<p>Berapa lamakah tempoh perlindungan bagi Insuran Perubatan Perjalanan?</p> <p>Tempoh perlindungan bagi Insuran Perubatan Perjalanan hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam atau negara destinasi.</p>
12.10	<p>Adakah rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (pemegang kad pengenalan kuning atau ungu) yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan?</p> <p>Tidak, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam adalah dikecualikan daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan.</p>
12.11	<p>Berapakah kos Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19?</p> <p>Kos bagi insuran yang ditawarkan oleh Syarikat Insuran atau Takaful adalah berlainan. Kos insuran ditentukan berdasarkan kepada jenis perlindungan, tempoh sah laku serta</p>

	<p>terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Syarikat Insuran atau Takaful masing-masing.</p> <p>Individu-individu adalah diseru untuk meneliti dasar insuran untuk memahami perlindungan yang diberikan dan apakah had yang dikenakan sebelum membeli Insuran Perubatan Perjalanan.</p>
12.12	<p>Bagaimanakah saya menerima salinan sijin insuran?</p> <p>Salinan sijil insuran diberikan dalam format digital atau salinan cetak ("<i>hard copy</i>") yang mana tertakluk kepada syarikat insuran atau takaful masing-masing.</p>
12.13	<p>Bagaimanakah cara membuat tuntutan daripada Syarikat Insuran atau Takaful jika saya disahkan positif COVID-19?</p> <p>Prosedur bagi membuat tuntutan adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran atau Takaful. Pada dasarnya, individu akan diberikan talian dua puluh empat jam (24 jam) yang mana boleh dihubungi jika diperlukan. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran / Takaful awda untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan.</p>
12.14	<p>Saya tidak mempunyai kad pengenalan Brunei. Bolehkah saya membeli Insuran Perubatan Perjalanan dari Syarikat Insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Prosedur "Underwriting" adalah berlainan bagi setiap syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu hendaklah menunjukkan bukti pengenalan diri (seperti passport, dokumen perjalanan) untuk membeli insuran. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.</p>
12.15	<p>Apakah perlindungan yang diliputi di bawah Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19?</p> <p>Perlindungan yang diberikan adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu akan diberikan manfaat-manfaat berikut, antaranya:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Manfaat bagi kecemasan perubatan dan pengangkutan kecemasan perubatan ("<i>Emergency Medical and Emergency Medical Transportation Benefits</i>"); 2. Manfaat bagi perjalanan yang dibatalkan ("<i>Trip Cancellation Benefits</i>") – sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan ("<i>travel companion</i>") mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin. 3. Manfaat bagi perjalanan yang terganggu ("<i>Trip Interruption Benefits</i>")– sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan ("<i>travel companion</i>") mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin. 4. Manfaat bagi perjalanan yang tertangguh ("<i>Travel Delay Benefits</i>") – sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan ("<i>travel companion</i>") mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin. <p>Terma, syarat-syarat dan pengecualian akan dikenakan. Ketersediaan sokongan bagi perlindungan COVID-19 ("<i>Availability of COVID-19 coverage endorsement</i>"), termasuk manfaat yang khusus dan perlindungan adalah berlainan bagi setiap syarikat insuran atau takaful.</p> <p>Produk mungkin tidak meliputi kesemua manfaat atau perlindungan yang dinyatakan di atas. Manfaat yang diberikan juga mungkin tidak menampung kos penuh kerugian. Manfaat insuran tertakluk kepada had maksimum liabiliti, yang mana tertakluk kepada sub-had dan maksimum harian. Sila teliti dasar insuran awda untuk memahami perlindungan yang diberikan dan had yang dikenakan.</p>

12.16	Berapa lamakah permohonan Insuran akan diproses?
	Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.
12.17	Saya baru sahaja sembuh daripada COVID-19, adakah ini akan menjejaskan Insuran Perubatan Perjalanan?
	Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.
12.18	Saya akan membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam bersama keluarga saya, adakah Insuran Kumpulan sedia ada?
	Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda. Pengumuman lanjut akan dibuat jika ada produk baru yang diperkenalkan atau sebarang penambahbaikan dibuat kepada produk yang sedia ada.
12.19	Bagaimanakah cara memanjangkan tempoh perlindungan insuran?
	Memanjangkan tempoh perlindungan insuran memerlukan sokongan ("endorsement"). Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.
12.20	Saya membuat perjalanan keluar negara atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan. Adakah saya dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000)?
	Tidak, warga perkhidmatan awam yang akan membuat perjalanan keluar negara atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan tidak diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$50,000) sebelum membuat perjalanan keluar negara. Individu hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan individu berkenaan membuat perjalanan atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan.

13	DOKUMEN
13.1	Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya kemukakan kepada pihak syarikat penerbangan semasa membuat pendaftaran masuk sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam atau sebelum meninggalkan negara Brunei Darussalam?
	Awda hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sepertimana yang dikehendaki mengikut kategori perjalanan masuk atau perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam. Sila rujuk senarai semak dokumen yang boleh didapati dalam: <ul style="list-style-type: none"> • Garis Panduan Bagi Perjalanan Masuk Ke Negara Brunei Darussalam melalui Pengangkutan Udara (http://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx) atau infografik (https://www.pmo.gov.bn/EPG/infografik.aspx) • Garis Panduan Bagi Perjalanan Keluar Negara Brunei Darussalam melalui Pengangkutan Udara (http://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx) atau infografik (https://www.pmo.gov.bn/EPG/infografik.aspx)
13.2	Adakah saya memerlukan tiket penerbangan balik untuk memasuki Negara Brunei Darussalam?
	Pelawat yang berhasrat untuk memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tempoh jangka panjang terutama sekali bagi tujuan bertugas, pengajian atau sebagai tanggungan adalah tidak dikehendaki untuk mendapatkan tiket penerbangan balik untuk memasuki Negara Brunei Darussalam. Untuk penjelasan lanjut, awda boleh menghubungi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di 2381107 / 2382108 / 2383106.

14	VISA												
14.1	<p data-bbox="252 241 1433 309">Adakah individu diperlukan untuk memohon visa secara berasingan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam?</p> <p data-bbox="252 315 1433 488">Mana-mana warganegara asing yang dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Kemasukan untuk kemasukan ke Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mendapatkan Visa yang bersesuaian terlebih dahulu seperti Visa Bekerja, Visa Tanggungan, Visa Lawatan, Visa Lawatan Profesional dan Visa Bisnes selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada lazimnya.</p> <table border="1" data-bbox="252 495 1433 1317"> <thead> <tr> <th data-bbox="252 495 632 533">TUJUAN MASUK</th> <th data-bbox="632 495 1433 533">SYARAT VISA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="252 533 632 837">Bertugas</td> <td data-bbox="632 533 1433 837"> <p data-bbox="647 568 1417 636">Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura</p> <p data-bbox="647 667 1417 815">**Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran bertugas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="252 837 632 904">Lawatan professional atau bisnes</td> <td data-bbox="632 837 1433 904">Ya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="252 904 632 1182">Tanggungan</td> <td data-bbox="632 904 1433 1182"> <p data-bbox="647 913 1417 981">Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura.</p> <p data-bbox="647 1012 1417 1160">**Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran tanggungan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="252 1182 632 1240">Penuntut</td> <td data-bbox="632 1182 1433 1240">Ya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="252 1240 632 1317">Lawatan sosial</td> <td data-bbox="632 1240 1433 1317">Visa diperlukan jika warganegara berkenaan bukan daripada negara-negara yang dikecualikan dari Visa.</td> </tr> </tbody> </table>	TUJUAN MASUK	SYARAT VISA	Bertugas	<p data-bbox="647 568 1417 636">Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura</p> <p data-bbox="647 667 1417 815">**Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran bertugas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p>	Lawatan professional atau bisnes	Ya	Tanggungan	<p data-bbox="647 913 1417 981">Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura.</p> <p data-bbox="647 1012 1417 1160">**Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran tanggungan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p>	Penuntut	Ya	Lawatan sosial	Visa diperlukan jika warganegara berkenaan bukan daripada negara-negara yang dikecualikan dari Visa.
TUJUAN MASUK	SYARAT VISA												
Bertugas	<p data-bbox="647 568 1417 636">Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura</p> <p data-bbox="647 667 1417 815">**Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran bertugas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p>												
Lawatan professional atau bisnes	Ya												
Tanggungan	<p data-bbox="647 913 1417 981">Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura.</p> <p data-bbox="647 1012 1417 1160">**Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran tanggungan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan</p>												
Penuntut	Ya												
Lawatan sosial	Visa diperlukan jika warganegara berkenaan bukan daripada negara-negara yang dikecualikan dari Visa.												
14.2	<p data-bbox="252 1344 1433 1411">Berapa lamakah pelawat sosial (“social visitor”) dibenarkan untuk berada di Negara Brunei Darussalam?</p> <p data-bbox="252 1429 1433 1496">Mereka dibenarkan untuk berada di Negara Brunei Darussalam mengikut tempoh sah laku pas yang telah dibenarkan dalam passport.</p>												
14.3	<p data-bbox="252 1514 1433 1581">Bolehkah pelawat memohon untuk memanjangkan tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam?</p> <p data-bbox="252 1590 1433 1693">Pelawat bolehlah menghadapi permohonan bagi memanjangkan tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada penilaian lanjut oleh autoriti-autoriti berkenaan.</p> <p data-bbox="252 1724 1433 1827">Pelawat adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi permintaan untuk memanjangkan tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.</p>												
14.4	<p data-bbox="252 1863 1433 1899">Bagaimanakah cara memohon visa?</p> <p data-bbox="252 1908 1433 2042">Dengan situasi COVID-19 yang sentiasa berubah, individu adalah dinasihatkan untuk mengikuti perkembangan mengenai maklumat perkhidmatan kaunter dari masa ke semasa di laman sesawang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan: www.immigration.gov.bn</p>												

14.5	Adakah warganegara Malaysia dan Singapura memerlukan Visa Masuk Semula (“Re-entry Visa”)?
	<p>Warganegara Malaysia dan Singapura tidak memerlukan Visa masuk semula (“Re-entry Visa”). Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk menghadapi permohonan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi memanjangkan tempoh pas imigresen (jika telah mansuh) sebaik sahaja mereka masuk semula ke Negara Brunei Darussalam.</p> <p>Mana-mana warganegara asing yang menetap di negara ini samada di bawah jaminan pas kerja, pas lawatan (sosial, professional dan perniagaan), pas penuntut ataupun pas tanggungan, yang berhasrat untuk keluar negara secara sementara dan masuk semula ke Negara Brunei Darussalam, maka mereka adalah dikehendaki untuk mendapatkan visa masuk semula (Re-Entry Visa) sebelum tarikh perjalanan keluar negara. Syarat ini adalah khusus bagi warga asing yang mana kerakyatannya dipersyaratkan untuk mendapatkan visa masuk semula.</p>

15	TUJUAN PERJALANAN
15.1	Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk Negara Brunei Darussalam bagi apa jua tujuan perjalanan?
	Ya. Berkuatkuasa 6 Mei 2022, pengkategorian senarai <i>Travel Green List</i> dan senarai bukan <i>Travel Green List</i> diiadakan dan individu adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara atas tujuan bukan mustahak (“non-essential”).

16.1	PENGANGKUTAN
16.1	Apakah pengangkutan yang perlu saya gunakan untuk membuat perjalanan ke tempat penginapan yang diisytihakan bagi menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam?
	Individu yang dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat perjalanan menuju ke tempat penginapan (rumah kediaman atau hotel penginapan) bagi menjalani pengasingan diri mandatori dengan menggunakan pengangkutan yang disediakan oleh pihak hotel atau pengangkutan persendirian.
16.2	Bolehkah saya menggunakan pengangkutan awam?
	Individu yang dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam tidak dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam sebelum menamatkan tempoh pengasingan diri mandatori. Individu hanya boleh menggunakan pengangkutan awam selepas menamatkan pengasingan diri mandatori.

17	SEMASA BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
17.1	<p>Adakah saya perlu memastikan Aplikasi BruHealth saya diaktifkan dalam telefon bimbit saya semasa berada di Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Untuk memudahkan pengesanan kontak, individu mesti memastikan aplikasi BruHealth diaktifkan dalam telefon bimbit pada setiap masa semasa berada di Negara Brunei Darussalam.</p>
17.2	<p>Apakah protokol kesihatan yang perlu individu patuhi semasa berada di Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Semasa berada di Negara Brunei Darussalam, individu mesti mematuhi langkah-langkah kesihatan awam sepertimana lazimnya, termasuk keperluan pemakaian sungkup muka dan penjarakan sosial, serta sebarang langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang berkaitan dengan aktiviti yang mereka sertai atau tempat-tempat yang mereka lawati di Negara Brunei Darussalam.</p>
17.3	<p>Saya merasa kurang sihat dan memerlukan penilaian perubatan. Klinik atau pusat kesihatan manakah yang boleh saya lawati semasa berada di Negara Brunei Darussalam?</p> <p>Individu-individu yang memasuki Negara Brunei Darussalam dan mengalami masalah kesihatan ketika menjalani tempoh pengasingan diri dan memerlukan penilaian perubatan bolehlah datang ke mana-mana klinik / pusat kesihatan seperti yang disenaraikan di bawah. Individu-individu hendaklah mematuhi kesemua syarat-syarat berikut apabila membuat lawatan ke klinik / pusat kesihatan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempamerkan kod BruHealth dan memberikan nombor BruHIMS di tempat pendaftaran • Mengisytiharkan diri sebagai pengembara • Menggunakan sungkup muka • Mengamalkan penjarakan sosial • Membawa wang tunai (Ringgit Brunei) untuk pembayaran • Membawa passport ataupun kad pengenalan <p>Daerah Brunei Muara</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Kesihatan Berakas • Pusat Kesihatan Pengkalan Batu <p>Daerah Tutong</p> <ul style="list-style-type: none"> • Klinik Sungai Kelugos <p>Daerah Beliat</p> <ul style="list-style-type: none"> • SARI, Suri Seri Begawan Hospital <p>Daerah Temburong</p> <ul style="list-style-type: none"> • Klinik Selesma, PIHM Hospital, Temburong <p>Walau bagaimanapun, untuk sebarang kecemasan, individu-individu perlu menghubungi 991 atau pergi ke Bahagian Kecemasan di hospital-hospital kerajaan.</p>